

11 MAR 1997

DR ADAM HARUN MEMANGKU JAWATAN PRESIDEN DPMM

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Datuk Dr Adam Harun akan memangku jawatan Presiden DPMM menggantikan allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad yang meninggal dunia minggu lepas.

Dalam satu kenyataan akhbar hari ini, Setiausaha Agung DPMM Zaki Said berkata, DPMM akan meneruskan landasan perjuangan allahyarham dalam usaha membangun dan memantapkan kedudukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera.

"Program terkini yang akan dijalankan ialah usaha membesarkan jumlah Kelas Pertengahan Bumiputera dan menangani masalah sosial," katanya.

Beliau berkata, satu majlis tahlil akan diadakan di Masjid Negara bagi memperingati jasa allahyarham pada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Menurut beliau, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri-menteri Kabinet akan turut diundang ke majlis itu.

Allahyarham Yahaya terbunuh bersama isterinya Puan Rohana Othman dalam nahas helikopter dekat Kuala Lipis pada 3 Mac lepas. Turut terbunuh dalam kejadian itu ialah juruterbang helikopter itu Mejar (B) Azlizan Abdul Manas. -- BERNAMA

WE PR